

07 SEP 1998

KANADA-M'SIA/I

KANADA HARAP KERJASAMA DUA HALA DENGAN M'SIA DITERUSKAN

Oleh: Mohd Rizal Razalli

PETALING JAYA, 7 Sept (Bernama) -- Kanada berharap kesukaran ekonomi-ekonomi Asia tidak berpanjangan dan potensi kerja sama antara firma-firma Malaysia dan Kanada, akan terus berkembang, Menteri Perindustriannya John Manley berkata.

"Kami mempunyai sejarah yang panjang dengan Malaysia. Kami berkongsi perhubungan di dalam sebuah Komanwel. Kanada akan berada dis ini untuk jangka panjang," beliau memberitahu Bernama di dalam satu wawancara khas di sini hari ini.

Manley berada di sini untuk mesyuarat menteri-menteri bertanggung jawab bagi Syarakat Kecil dan Sederhana Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) selama dua hari, yang bermula hari ini.

Katanya perniagaan dan perhubungan dagangan Malaysia-Kanada memperlihatkan banyak kemajuan sejak delegasi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat Kanada Januari tahun 1996.

Beliau menegaskan bahawa perdagangan dua hala Malaysia-Kanada adalah menggalakkan sehinggakan jumlah dagangan mencapai 2.5 bilion dolar Kanada tahun lalu berbanding dengan 2.1 bilion dolar Kanada pada 1996.

Katanya tahun lalu, eksport Kanada ke Malaysia berjumlah 667 juta dolar Kanada, manakala import dari Malaysia bernilai 1.98 bilion dolar Kanada.

Katanya kira-kira 150 hingga 200 juta dolar Kanada daripada perkhidmatan kejuruteraan telah dieksport ke Malaysia setiap tahun.

Bagi suku pertama tahun ini, eksport Kanada ke Malaysia meningkat 11 peratus berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu, manakala import Kanada meningkat sebanyak lapan peratus.

Mengenai kesan langkah kawalan alirna modal baru-baru ini yang dilaksanakan oleh Malaysia ke atas alirna masuk pelaburan baru Kanada ke Malaysia, katanya: "Saya tidak mendapat sebarang tanda kebimbangan daripada (pelabur Kanada).

Mengulas mengenai langkah oleh Bank Negara mengikat ringgit pada 3.80 minggu lalu, katanya: "ia adalah bagi kepentingan semua pihak untuk mempunyai lebih kestabilan di dalam kadar tukaran wang asing."

-- BERNAMA

RIZ OS